



**ANGGOTA skuad hoki lelaki dan wanita UMS yang baharu diaktifkan.**

# Hoki UMS kembali ke landasan betul

UB 26.5.2016 A15

**KOTA KINABALU:** Kelab Hoki Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang telah 10 tahun 'tidur' kembali ke landasan yang betul selepas diaktifkan kira-kira setahun lalu.

Sejak diaktifkan pertengahan tahun lalu, kelab itu telah menubuhkan pasukan lelaki dan wanita yang bukan sahaja aktif dengan program latihan tetapi juga telah menyertai beberapa kejohanan.

Beberapa bulan selepas diaktifkan, kelab itu telah mengorak langkah dengan

menyertai kejohanan di Western, Beaufort pada 25 Mac lalu dan ianya menyemarakkan semangat ahli-ahlinya lebih bergiat aktif.

Mereka juga telah menyertai Liga Institusi Pengajian Tinggi (IPT) baru-baru ini yang menyaksikan pasukan wanita mereka muncul naib juara manakala pasukan lelaki menduduki tempat ketiga di Kejohanan Terbuka Sepanggar.

Minggu lalu, pasukan hoki lelaki UMS membuat kejutan apabila menumpaskan

pasukan Sukan Malaysia (Sukma) Sabah 2016 1-0 dalam satu perlawanan persahabatan.

Perkembangan itu menunjukkan kelab hoki UMS di bawah kendalian Jacky Jaulis yang juga bekas pelajar UMS berada di landasan yang betul untuk menjadi salah satu kelab yang boleh disandarkan memartabatkan UMS dalam sukan hoki.

Setakat ini, kelab itu mempunyai 36 pemain yang terdiri dari 18 lelaki dan 18 wanita yang giat menjalani latihan pagi dan petang mengikut program jadual yang ditetapkan.

Misi terdekat kelab itu adalah kejohanan Hoki Majlis Sukan Universiti Malaysia (Masum) yang akan berlangsung di Universiti Teknikal Melaka Malaysia (UTeM) penghujung bulan ini.